



MAHMAD WARDI SALIM (kanan)...emas

# Peraturan pertarungan perlu diketatkan

-8 DEC 1987

PERSEKUTUAN Pencak Silat Antarabangsa (Persilat) diminta memperketat peraturan pertarungan silat olahraga bagi menjamin ketinggian mutu persembahan dalam Kejuaraan Silat Sedunia pada 1990.

"Walaupun ada peraturan khusus dalam silat olahraga, perlaksanaannya masih longgar terutama di segi pergerakan teknik peserta," kata jurulatih Britain, Abdul Razak Othman.

Menurutnya, jika peraturan itu tidak diperketatkan perlaksanaannya, mutu kejuaraan sedunia itu akan merosot.

"Selain itu, pengadil juga perlu lebih tegas untuk mengelak peserta mengalami kecederaan, terutama melalui kesalahan besar dengan membuat sepakan serta tumbukan melebihi paras leher," katanya.

Beliau mengakui dengan mempertandingkan silat olahraga, perkembangan pencak si-

lat akan bertambah pesat di serata dunia.

"Sehubungan itu, Persilat perlu memainkan peranan penting memastikan pencak silat benar-benar diamalkan ketika berlangsung pertarungan," ujar Razak yang juga bekas pelajar Universiti Surrey, England.

Katanya, pencak silat pesat berkembang di England selepas ia diperkenalkan di peringkat kelab di Universiti Surrey, tetapi kini berkembang menjadi British Pencak Silat Association.

Bruce Irving dari Amerika Syarikat pula berkata, penduduk negaranya gemar mempelajari sukan mempertahankan diri dan kehadiran pencak silat benar-benar menarik perhatian mereka.

Bagaimanapun, beliau berharap Persilat dapat memberi bantuan kejurulatihan untuk meningkatkan lagi perkembangan pencak silat di Amerika Syarikat.





SEDUJINI



■NORMALA OMAR...perak